



**LEMBAGA PEPERIKSAAN  
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**

**SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2024**

**PRINSIP PERAKAUNAN**

**3756/2**

**Kertas 2**

**2 jam 30 minit**

**Bahagian Maklumat Soalan**

---

---

**JANGAN BUKA KERTAS PEPERIKSAAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**

**ARAHAN KEPADA CALON**

1. **Bahagian maklumat soalan kertas peperiksaan ini mengandungi dua bahagian:**  
**Bahagian A dan Bahagian B.**
2. **Tunjukkan kerja mengira. Ini membantu anda mendapatkan markah.**
3. **Anda dibenarkan menggunakan kalkulator saintifik.**
4. **Bahagian ruangan jawapan dan bahagian maklumat soalan kertas peperiksaan ini hendaklah diserahkan secara berasingan kepada pengawas peperiksaan pada akhir peperiksaan.**

Join telegram @exercise\_students  
for more tips spm sebenar !

---

Kertas peperiksaan ini mengandungi 13 halaman bercetak dan 3 halaman tidak bercetak.  
(Nota penerbit: Bilangan halaman dalam buku ini telah diubah suai)

## Bahagian A

[60 markah]


Jawab semua soalan.

1 (a) Jelaskan aspek berikut bagi organisasi Koperasi.

- (i) Pemilikan
- (ii) Tanggungan liabiliti

[2 markah]

(b) Rajah berikut menunjukkan urus niaga yang berkaitan dengan aset.



Nyatakan klasifikasi aset bagi P dan Q.

[2 markah]

(c) Jika nilai inventori akhir terlebih nyata, apakah kesannya terhadap kos jualan dan untung kasar?

[2 markah]

(d) Maklumat berikut menunjukkan perbandingan penerimaan dan pembayaran yang sebenar dengan yang dijangkakan bagi sebuah perniagaan.

|                  | Sebenar<br>RM | Yang dijangka<br>RM | Prestasi<br>perniagaan |
|------------------|---------------|---------------------|------------------------|
| Komisen diterima | 450           | 500                 | (i)                    |
| Utiliti          | 700           | 750                 | (ii)                   |

Nyatakan sama ada prestasi perniagaan di 1(d)(i) dan 1(d)(ii) memuaskan atau tidak memuaskan.

[2 markah]

(e) Nyatakan **dua** kandungan Seksyen 26 Akta Perkongsian 1961.

[2 markah]

[Lihat halaman sebelah

SULIT

2 Encik Awang merupakan pemilik Perniagaan Awang Hikmat. Beliau telah menyediakan maklumat berikut bagi tahun berakhir 30 November 2024.

| Baki pada 1 Disember 2023            | RM      |
|--------------------------------------|---------|
| Peruntukan hutang ragu               | 552     |
| Modal                                | 100 223 |
| Inventori                            | 58 060  |
| Alatan pejabat (kos)                 | 17 860  |
| Susut nilai terkumpul alatan pejabat | 8 050   |
| Kenderaan (kos)                      | 31 800  |
| Susut nilai terkumpul kenderaan      | 11 700  |

| Baki pada 30 November 2024 | RM      |
|----------------------------|---------|
| Bank                       | 2 835   |
| Simpanan tetap             | 24 000  |
| Ambilan                    | 19 240  |
| Belanja am                 | 11 870  |
| Insurans                   | 2 232   |
| Faedah atas simpanan tetap | 1 750   |
| Belanja kenderaan          | 11 320  |
| Belian                     | 174 540 |
| Sewa                       | 19 500  |
| Belanja membaiki           | 2 898   |
| Pulangan masuk             | 582     |
| Jualan                     | 297 942 |
| Akaun Belum Bayar          | 9 680   |
| Akaun Belum Terima         | 17 210  |
| Gaji                       | 35 950  |

Maklumat tambahan:

(i) Inventori pada 30 November 2024.

|               | <b>Produk A<br/>RM</b> | <b>Produk B<br/>RM</b> | <b>Jumlah<br/>RM</b> |
|---------------|------------------------|------------------------|----------------------|
| Harga kos     | 28 975                 | 3 820                  | 32 795               |
| Harga pasaran | 30 290                 | 2 910                  | 33 200               |

(ii) Pada 1 Mac 2024, pemilik membeli alatan pejabat RM18 000 menggunakan wang peribadi. Perkara ini belum direkodkan dalam mana-mana buku.

(iii) Polisi perniagaan menetapkan susut nilai dikira sepenuhnya pada tahun kewangan pembelian aset bukan semasa tersebut.

| <b>Aset Bukan Semasa</b> | <b>Kadar susut nilai setahun</b> | <b>Kaedah</b>    |
|--------------------------|----------------------------------|------------------|
| Alatan pejabat           | 15 %                             | Garis lurus      |
| Kenderaan                | 25 %                             | Baki berkurangan |

(iv) Pulangan barang niaga kepada pembekal RM665 belum direkodkan.

(v) Hutang lapuk RM510 dihapus kira.

(vi) Kadar peruntukan hutang ragu diselaraskan kepada 2 % atas Akaun Belum Terima bersih.

(vii) Pada 30 November 2024:

- Sewa prabayar RM2 700
- Belanja kenderaan belum bayar RM290
- Faedah atas simpanan tetap belum terima RM170

**Anda dikehendaki menyediakan:**

(a) Akaun Perdagangan dan Untung Rugi bagi tahun berakhir 30 November 2024.

[13 markah]

(b) Penyata Kedudukan Kewangan pada 30 November 2024 (tunjukkan modal kerja).

[12 markah]

[Lihat halaman sebelah

**SULIT**

3 Encik Brandon menyediakan maklumat berkaitan Kilang Sinergy Sdn. Bhd.

Imbangan Duga pada 31 Disember 2023

|                                     | Debit     | Kredit    |
|-------------------------------------|-----------|-----------|
|                                     | RM        | RM        |
| Bank                                | 29 150    |           |
| Buruh langsung                      | 123 340   |           |
| Modal pada 1 Januari 2023           |           | 78 570    |
| Buruh tak langsung                  | 21 690    |           |
| Insurans                            | 9 200     |           |
| Inventori pada 1 Januari 2023:      |           |           |
| Bahan langsung                      | 52 700    |           |
| Kerja dalam proses                  | 20 220    |           |
| Barang siap                         | 25 750    |           |
| Penyelenggaraan                     | 17 500    |           |
| Loji dan mesin pada 1 Januari 2023: |           |           |
| Kos                                 | 194 200   |           |
| Susut nilai terkumpul               |           | 87 500    |
| Belian:                             |           |           |
| Bahan langsung                      | 232 400   |           |
| Barang siap                         | 81 650    |           |
| Sewa                                | 36 500    |           |
| Royalti                             | 7 100     |           |
| Jualan                              |           | 817 390   |
| Alat-alat kecil pada 1 Januari 2023 | 69 300    |           |
| Akaun Belum Bayar                   |           | 28 240    |
| Akaun Belum Terima                  | 41 500    |           |
| Utiliti                             | 18 300    |           |
| Gaji pekerja pejabat                | 31 200    |           |
|                                     | 1 011 700 | 1 011 700 |

Maklumat tambahan:

- (i) Inventori pada 31 Disember 2023.

|                    | RM     |
|--------------------|--------|
| Bahan langsung     | 61 875 |
| Kerja dalam proses | 19 310 |
| Barang siap        | 21 310 |

- (ii) Kos overhead diagihkan seperti berikut:

| Butiran         | Kilang | Pejabat |
|-----------------|--------|---------|
| Insurans        | 60 %   | 40 %    |
| Sewa            | 70 %   | 30 %    |
| Penyelenggaraan | 3      | 1       |
| Utiliti         | 2      | 1       |

- (iii) Angkutan masuk untuk bahan langsung RM12 670 dan barang siap RM1 925 telah tertinggal rekod dalam Buku Tunai.
- (iv) Kadar susut nilai loji dan mesin ialah 20 % setahun menggunakan kaedah baki berkurangan. Tiada belian dan jualan bagi loji dan mesin sepanjang tahun.
- (v) Alat-alat kecil disusutnilaikan menggunakan kaedah penilaian semula. Alat-alat kecil dinilai RM48 250 pada 31 Disember 2023.

**Anda dikehendaki menyediakan:**

- (a) Akaun Pengeluaran bagi tahun berakhir 31 Disember 2023.

[14 markah]

- (b) Akaun Perdagangan dan Untung Rugi bagi tahun berakhir 31 Disember 2023.

[11 markah]

Bahagian B

[40 markah]

Jawab dua soalan daripada bahagian ini.

4 Senarai baki-baki berikut diperolehi daripada buku perniagaan Adhwa Venture Enterprise pada 30 September 2024.

|                                  | RM     |
|----------------------------------|--------|
| Alatan pejabat                   | 17 465 |
| Kenderaan                        | 49 000 |
| Susut nilai terkumpul kenderaan  | 12 000 |
| Simpanan tetap                   | 10 000 |
| Akaun Belum Terima               | 29 150 |
| Akaun Belum Bayar                | 15 170 |
| Lain-lain Akaun Belum Bayar      | 3 000  |
| Inventori pada 30 September 2024 | 15 840 |
| Peruntukan hutang ragu           | 1 166  |
| Pinjaman Bank (matang Jun 2025)  | 9 800  |
| Bank                             | 23 500 |
| Tunai                            | 1750   |
| Kadar bayaran prabayar           | 220    |
| Modal pada 1 Oktober 2023        | 87 289 |
| Untung bersih                    | 18 500 |

Kesilapan-kesilapan berikut dikesan ketika menyemak buku perniagaan Adhwa Venture Enterprise:

- (i) Belanja penyelenggaraan kenderaan RM1 120 telah didebitkan dalam Akaun Kenderaan.
- (ii) Pembelian alatan pejabat bernilai RM1 000 secara kredit telah direkodkan seperti berikut:

|                                   |
|-----------------------------------|
| Debit Lain-Lain Akaun Belum Bayar |
| Kredit Alatan Pejabat             |

- (iii) Jualan kredit RM2 202 telah tersilap rekod sebagai RM2 022.

(iv) Memo berikut dijumpai dan belum direkod dalam mana-mana buku perniagaan.

MEMO

Adhwa Venture Enterprise  
Lot 119, Aras 1, Kompleks Niaga Bahau  
72100 Bahau, Negeri Sembilan

Tarikh: 27 Mac 2024

Peringatan:  
Pemilik menggunakan tunai peribadi RM150 untuk bayaran belanja am.

Adhwa

Pengurus

Anda dikehendaki menyediakan:

- (a) Jurnal Am bagi membetulkan kesilapan-kesilapan tersebut.  
(Keterangan tidak diperlukan)

[8 markah]
- (b) Penyata Kedudukan Kewangan pada 30 September 2024 dengan mengambil kira pembetulan di 4(a).

[12 markah]

5 Encik Johari merupakan pemilik Joe Art Work yang menjual lukisan. Beliau tidak menyimpan buku-buku perakaunannya dengan lengkap dan telah memberikan maklumat berikut bagi tahun berakhir 31 Disember 2023.

(i)

| Jurnal Am |           |        |              |
|-----------|-----------|--------|--------------|
| Tarikh    | Butiran   | Debit  | Kredit       |
| 2023      |           | RM     | RM           |
| Jan. 1    | Kenderaan | 50 000 |              |
|           | Bank      | 10 000 |              |
|           | Tunai     | 5 000  |              |
|           | Modal     |        | Perlu dikira |

(ii) Aset dan liabiliti pada 31 Disember 2023.

|                                      | RM     |
|--------------------------------------|--------|
| Kenderaan (nilai buku)               | 45 000 |
| Lengkapan (beli pada 1 Januari 2023) | 5 000  |
| Inventori                            | 13 000 |
| Tunai                                | 1 800  |
| Bank (kredit)                        | 3 000  |
| Akaun Belum Terima                   | 6 200  |
| Akaun Belum Bayar                    | 5 400  |

(iii) Urus niaga berikut berlaku dalam tempoh perakaunan:

- (1) Encik Johari membayar sewa RM350 menggunakan wang peribadi.
- (2) Pemilik mengambil lukisan RM250 sebagai hadiah perkahwinan adiknya.
- (3) Membeli rak buku secara tunai RM800 pada 31 Disember 2023.
- (4) Susut nilaiengkapan menggunakan kaedah garis lurus selama empat tahun dan nilai skrap RM1 000.
- (5) Peruntukan hutang ragu RM180.
- (6) Peralatan melukis belum digunakan RM170.
- (7) Menerima pendahuluan atas jualan RM100.
- (8) Gaji prabayar RM1 500 dan belanja pengangkutan belum bayar RM120.

**Anda dikehendaki:**

(a) menyatakan modal pada 1 Januari 2023.

[1 markah]

(b) menyediakan Penyata Mengira Modal pada 31 Disember 2023.

[12 markah]

(c) menyediakan Penyata Mengira Untung Rugi bagi tahun berakhir 31 Disember 2023.

[5 markah]

(d) menyatakan **dua** kepentingan menyimpan rekod perakaunan dengan lengkap.

[2 markah]

- 6 Berikut merupakan maklumat kewangan Perabot Balan Sdn. Bhd. dan Perabot Arba Sdn. Bhd. pada 31 Disember 2023.

| <b>Perabot Balan Sdn. Bhd.</b>    | <b>RM</b> |
|-----------------------------------|-----------|
| Peratus Untung Kasar atas Jualan  | 27.50 %   |
| Peratus Untung Bersih atas Jualan | 11.21 %   |
| Pulangan atas Modal               | 21.23 %   |
| Kadar Pusing Ganti Inventori      | 4 kali    |

| <b>Perabot Arba Sdn. Bhd.</b> | <b>RM</b> |
|-------------------------------|-----------|
| Jualan                        | 165 000   |
| Belian                        | 132 000   |
| Inventori pada 1 Januari 2023 | 39 600    |
| Belanja pentadbiran           | 18 600    |
| Belanja jualan dan pemasaran  | 7 575     |
| Modal pada 1 Januari 2023     | 80 000    |

Maklumat tambahan untuk Perabot Arba Sdn. Bhd. :

- Inventori pada 31 Disember 2023.

|               | <b>RM</b> |
|---------------|-----------|
| Harga kos     | 53 200    |
| Harga pasaran | 52 800    |

- Nota debit RM600 telah dihantar kepada pelanggan kerana terkurang caj dalam invoice.

(a) **Anda dikehendaki:**

- menyediakan Akaun Perdagangan dan Untung Rugi Perabot Arba Sdn. Bhd. bagi tahun berakhir 31 Disember 2023. [5 markah]
- menghitung nisbah berikut berdasarkan 6(a)(i) betul pada 2 titik perpuluhan.
  - Peratus Untung Kasar atas Kos Jualan [2 markah]
  - Peratus Untung Kasar atas Jualan [2 markah]
  - Peratus Untung Bersih atas Jualan [2 markah]
  - Pulangan atas Modal [2 markah]
  - Kadar Pusing Ganti Inventori (bilangan kali) [2 markah]

[Lihat halaman sebelah

**SULIT**

- (b) Dengan merujuk kepada maklumat Perabot Balan Sdn. Bhd. dan jawapan 6(a)(ii), jawab soalan berikut:
- (i) Jika anda seorang pelabur, perniagaan yang manakah akan dipilih?  
Berikan alasan. [2 markah]
- (ii) Perniagaan yang manakah lebih cekap dalam menguruskan inventori?  
Berikan alasan. [2 markah]
- (c) Nyatakan tujuan analisis Penyata Kewangan disediakan. [1 markah]

**KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT**